

12 OCT 1996

Umno-Mahathir (Calon)

JANGAN KECEWA DENGAN KEKALAHAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati mereka yang tewas dalam pemilihan pada perhimpunan agung parti yang berakhir hari ini supaya jangan terlalu kecewa dan merajuk dengan keputusan itu.

Katanya, apa yang perlu ialah mereka membuat analisis secara ikhlas tentang kekalahan mereka dan bertanding semula dalam pemilihan tiga tahun lagi.

"Baik yang menang, mahupun yang kalah, ini bukan kali terakhir mereka akan bertanding...yang menang akan bertanding lagi, yang kalahpun kena bertanding lagi," katanya ketika menggulung perbahasan pada akhir perhimpunan empat hari itu.

"Kita tengok Pak Lah (Datuk Abdullah Ahmad Badawi), dia menang dulu, dia kalah tetapi kali ini dia menang," katanya merujuk kepada Menteri Luar itu yang menang sebagai naib presiden dalam pemilihan dua hari lepas setelah gagal mempertahankan jawatan itu pada tahun 1993.

Sambil meminta calon-calon supaya tidak menganggap bahawa kekalahan dalam pemilihan itu akan menamatkan riwayat politik mereka, Perdana Menteri mengulangi kenyataannya bahawa "yang menang tidak dapat semua, yang kalah tidak kalah semua."

Dr Mahathir berkata pemilihan kali ini amat penting kerana ia akan menentukan sama ada parti itu tidak lagi menghadapi masalah rasuah atau sebaliknya.

Katanya, beliau tidak tahu siapa yang rasuah atau tidak kerana orang yang mengundi tentu tahu.

"Kalau satu orang kalah bukan bermakna bahawa dia bersih atau tidak bersih, kalau satu orang menangpun belum tentu dia bersih atau tidak bersih...yang itu tuan-tuan semua tahu," katanya. -- BERNAMA

AZZ NMO